

B590:
HUSSEIN-PERPISAHAN
(1)

OLEH IDZAN ISMAIL 1981

KUALA LUMPUR, 14 JULAI (BERNAMA) — DATUK HUSSEIN ONN AKAN MENYERAHKAN JAWATAN PERDANA MENTERI KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DALAM SATU ACARA RINGKAS DI JABATAN PERDANA MENTERI KHAMIS INI.

MAJLIS PERPISAHAN BAGINYA AKAN DIJALANKAN SECARA SEDERHANA TANPA KEMERIAHAN YANG SELALUNYA DIADAKAN BAGI SESEORANG PEMIMPIN NEGARA YANG BERSARA.

DATUK HUSSEIN AKAN MENGUCAPKAN SELAMAT TINGGAL KEPADA KETUA-KETUA JABATAN DAN KAKITANGAN JABATAN PERDANA MENTERI.

BERMULA SAAT ITU, BELIAU AKAN MENYINGKAP ZAMAN BARU DALAM KEHIDUPANNYA SEBAGAI SEORANG RAKYAT BIASA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, SEBELUM ITU, AKAN MENGANGKAT SUMPAAH SEBAGAI PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG KEEMPAT DI ISTANA NEGARA. — BERSAMBUNG 1720/LK

B591:
HUSSEIN-PERPISAHAN 2 KUALA LUMPUR

SUMBER-SUMBER YANG MENGETAHUI BERKATA PERPISAHAN SECARA SENYAP-SENYAP ITU ADALAH SELARI DENGAN CARA KEPIMPINAN DATUK HUSSEIN YANG SUKA BERSENYAP.

MEREKA BERKATA DATUK HUSSEIN TELAH MEMINTA AGAR HARI PERPISAHANNYA DILAKUKAN SEPERTI HARI-HARI BIASA DI JABATAN TERSEBUT.

BAGAIMANAPUN, MAJLIS PERPISAHAN YANG DIIRINGI AIR MATA YANG DIBERIKAN KEPADANYA DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO OLEH PARA PERWAKILAN DAN ORANGRAMAI BILA BELIAU MENYERAHKAN KEPIMPINAN PARTI KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR, MEMBUKTIKAN BAHAWA BELIAU DISAYANGI.

DATUK HUSSEIN AKAN MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT KABINET YANG TERAKHIR ESOK. BELIAU JUGA AKAN BERUCAP KEPADA PARA PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DI MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI PARTI ITU BUAT KALI TERAKHIR DI SRI TAMAN.

ACARA YANG TERAKHIR TERMASUKLAH PENYAMPAIAN HADIAH-HADIAH MUSABAQAH MEMBACA QURAN ANGKATAN TENTERA MINGGU LALU DAN UPACARA MELETAK BATU ASAS IBUPEJABAT UMNO YANG BARU. — BERSAMBUNG 1725/LK

HUSSEIN-PERPISAHAN 3 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, BERNAMA DIFAHAMKAN BAHAWA UMNO SEDANG MERANCANG MERAIKAN DATUK HUSSEIN ONN DALAM SATU MAJLIS MAKAN MALAM BESAR-BESARAN DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI TUANRUMAH.

ADALAH DIFAHAMKAN KERAJAAN BERCADANG MENGANUGERAHKAN DATUK HUSSEIN DENGAN HADIAH YANG SESUAI DENGAN KEWIBAWAAN DAN MURTABAT SEORANG YANG SECARA SUKARELA MELETAK JAWATAN SEBAGAI PERDANA MENTERI. — BERNAMA 1726/LK